

SEK. MEN. KEB SUSANA UTAMA, SG. BULOH

KEMAHIRAN HIDUP

TINGKATAN 2

MASA 1 JAM

NAMA:

KELAS:

Kertas ini mengandungi 50 soalan dalam 3 bahagian. Jawab semua soalan.

BAHAGIAN A (SOALAN OBJEKTIF)

Arahan: Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih jawapan yang betul bagi tiap-tiap soalan ini.

- 1 Apakah yang perlu dibuat sebelum menyediakan medium memasu?
 - A Semua ramuan medium mesti ditapis berasingan
 - B Semua ramuan disiram air untuk menyuburkan medium
 - C Semua ramuan dibakar untuk membunuh perosak
 - D Semua ramuan di anginakan untuk menghilangkan bau busuk

- 2 Mengapakah bahan organik yang cukup reput sahaja digunakan dalam penyediaan medium memasu
 - A Benih rumput mati
 - B Haba dari proses reputan telah dibebaskan
 - C Tiada kesan-kesan bau terbentuk
 - D Bahan ini lebih senang dilarutresapkan

- 3 Tujuan mengutil atau membuang tunas ialah
 - I menambahkan saiz bunga
 - II menggalakkan pembentukan cabang
 - III mengelakkan pembentukan cabang
 - IV mendapatkan bentuk pokok
 - A I dan III
 - B I, II dan III
 - C II dan IV
 - D II, III dan IV

- 4 Fungsi bahan organik sebagai medium memasu semaian ialah
 - A membunuh bakteria
 - B membekalkan nutrien kepada tumbuhan
 - C menutup saliran
 - D menutupkan pengudaraan

- 5 Susunkan proses pengubahan anak pokok ke dalam pasu mengikut turutan yang betul
- I Tanah keliling pokok dipadatkan
 - II siram anak pokok dengan air secukupnya
 - III turis beg politena anak pokok
 - IV Buat lubang di tengah-tengah medium
 - V tanam anak pokok ke dalam medium
- A IV, III, V, I dan II
B III, IV, V, I dan II
C II, III, V, IV dan I
D III, II, I, IV dan V
- 6 Apakah faktor yang mendorong perkembangan industri tempatan?
- A Pasaran yang terhad
 - B Kadar upah pekerja yang tinggi
 - C Keadaan ekonomi yang stabil
 - D Galakan kerajaan yang minimum
- 7 Menghadkan jumlah barang import dipanggil
- A insentif
 - B kuota
 - C taraf perintis
 - D galakan
- 8 Agensi yang berfungsi menasihati kerajaan dan kementerian tentang pembangunan industri ialah
- A MIDA
 - B MIDF
 - C MARA
 - D MEDEC
- 9 Masalah utama yang dihadapi oleh usahawan dalam memulakan perniagaan ialah
- A mendapatkan rakan kongsi yang baik
 - B mendapatkan lokasi perniagaan yang strategik
 - C memilih jenis perniagaan
 - D mendapatkan modal

- 10 Antara perlindungan yang diberikan oleh kerajaan untuk usahawan tempatan ialah
- I tambahkan duti import
 - II memberi insentif
 - III mengadakan kuota
 - IV kurangkan duti eksport
- A I, II dan III
B I, III dan IV
C I, II dan IV
D I, II, III dan IV
- 11 Proses mengeluarkan barang dan perkhidmaan dipanggil
- A pemprosesan
 - B pengeluaran
 - C perkilangan
 - D pengkhususan
- 12 Antara berikut ialah gangguan kepada proses pengeluaran kecuali
- A kemalangan
 - B bekalan air dan elektrik terputus
 - C cuti perayaan
 - D kekurangan bahan mentah
- 13 Bahan-bahan yang terlibat dalam menghasilkan sesuatu barang ialah
- A input
 - B output
 - C permintaan
 - D pengkhususan
- 14 Permintaan terhadap sesuatu barang akan berkurangan jika
- A pendapatan pengguna berkurang
 - B pengeluaran berkurang
 - C jumlah kedai berkurang
 - D pengeluaran bertambah
- 15 Antara berikut pengeluar yang manakah tidak memerlukan bahan mentah atau sumber alam?
- I Peguam
 - II Arkitek
 - III Penarik beca
 - IV Pengilang papan
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D I, II, III dan IV

- 16 Gabungan persatuan-persatuan pengguna dipanggil
- A Majlis Pengguna
 - B Persatuan Pengguna
 - C FOMCA
 - D SIRIM
- 17 Akta ini mengawal mutu bahan makanan dan penggunaan bahan aditif
- A Akta Kawalan Harga
 - B Ordinan Menjual Makanan dan Dadah
 - C Akta timbang dan sukat
 - D Akta perihal Dagangan
- 18 Dengan adanya pendidikan pengguna, pengguna akan
- I sedar tentang kewujudan badan yang melindungi pengguna
 - II bersikap kritikal terhadap iklan
 - III bijak memilih barang
 - IV sedar akan hak mereka
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
- 19 Setiap peniaga adalah diwajibkan memberi maklumat-maklumat atau butir-butir yang benar tentang barang-barang niaganya berdasarkan
- A Akta Kawalan Harga 1973
 - B Akta Kawalan Bekalan 1973
 - C Akta Timbang dan sukat 1972
 - D Akta Perihal Dagangan 1972
- 20 Bagaimanakah kerajaan melindungi hak dan kepentingan pengguna?
- I Menguatkuasakan undang-undang
 - II Menyelaraskan kepentingan pengguna
 - III Mengubal undang-undang
 - IV Menerima dan menyiasat aduan daripada pengguna
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

BAHAGIAN B (SOALAN SUBJEKTIF)

Arahan: Isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang sesuai.

- 1 Pasu _____ yang baru hendaklah direndam semalaman sebelum digunakan.
- 2 Pasu lama yang hendak digunakan semula mestilah _____ di dalam larutan formalin.
- 3 _____ adalah campuran tanah loam, bahan organik dan pasir sungai.
- 4 Merumput ialah aktiviti _____ rumput-rumpai yang tumbuh di sekitar anak pokok.
- 5 _____ merupakan proses membekalkan nutrien yang cukup kepada tumbuhan hiasan.
- 6 Agensi _____ berperanan mengeluarkan lesen untuk menjalankan kegiatan industri dan penyelaras kegiatan perindustrian dalam negara.
- 7 Agensi _____ menjalankan penyelidikan berkaitan hasil keluaran kelapa sawit.
- 8 Pelabur asing dikecualikan daripada membaway cukai untuk _____ apabila diberi Taraf Perintis.
- 9 Institusi kewangan memberi _____ kepada peniaga dan usahawan.
- 10 Institusi yang bertindak sebagai penjamin kepada peminjam wang dipanggil _____.
- 11 _____ merupakan keadaan yang merencatkan proses pengeluaran.
- 12 _____ membawa maksud keinginan yang disokong oleh daya membeli terhadap sesuatu barang.
- 13 Jika permintaan meningkat sedangkan pengeluaran sedikit, harga barang akan _____.
- 14 _____ mengadunkan faktor-faktor pengeluaran bagi membolehkan barang-barang dikeluarkan.

- 15 _____ boleh meningkatkan kecekapan pekerja.
- 16 _____ adalah sebuah badan sukarela yang ditubuhkan untuk melindungi hak-hak pengguna.
- 17 Para pengguna dilindungi daripada peniaga yang menggunakan jenama palsu melalui Akta _____.
- 18 Kerajaan telah menubuhkan _____ untuk memastikan semua barang keluaran mempunyai mutu dan piawaian yang ditetapkan.
- 19 Peranan _____ ialah menggubal undang-undang, menguatkuasakan undang-undang dan menyelaraskan kepentingan pengguna.
- 20 Akta _____ memastikan bekalan barang-barang kawalan mencukupi untuk kegunaan orang ramai.

BAHAGIAN C

Arahan: Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan tandakan (✕) bagi pernyataan yang salah.

- 1 Lubang saliran pasu hendaklah ditutup dengan serpihan pasu. ()
- 2 RRIM menjalankan penyelidikan dalam pengeluaran getah dan padi. ()
- 3 Pengkhususan menyebabkan seluruh proses pengeluaran saling berkait antara satu proses dengan proses yang lain. ()
- 4 Input ialah barang siap yang dihasilkan daripada bahan mentah setelah melalui proses pengeluaran. ()
- 5 Pusat Giat MARA menyediakan kemudahan bimbingan dan latihan keusahawanan. ()
- 6 Medium memasu yang sesuai menghalang akar menembusnya dengan mudah. ()
- 7 Akta Timbang dan Sukat 1972 mewajibkan peniaga menggunakan alat timbang dan sukat yang betul. ()
- 8 Persatuan Pengguna boleh mendapatkan bantuan Majlis Peguam Malaysia untuk menyelesaikan aduan. ()

- 9 Galakan eksport yang diberikan adalah berbentuk pengurangan duti import. ()
- 10 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menubuhkan Majlis Pengguna untuk menyelaraskan aktiviti melindungi pengguna. ()

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

.....
(Pn. Norhazlina Hashim)

.....
(Pn. Norfardilla Abd Rahman)

JAWAPAN BAHAGIAN A

1	A	2	D	3	C	4	B	5	A
6	C	7	B	8	A	9	D	10	B
11	B	12	C	13	A	14	A	15	A
16	C	17	B	18	D	19	D	20	A

JAWAPAN BAHAGIAN B

- 1 tanah liat
- 2 direndam
- 3 Medium memasu / nisbah 7 : 3 : 2
- 4 membuang
- 5 membaja
- 6 MUDA
- 7 PORIM
- 8 3 hingga 10 tahun
- 9 pinjaman
- 10 Syarikat Suim Jaminan Kredit
- 11 Sesakan
- 12 Permintaan
- 13 meningkat
- 14 Pengusaha
- 15 Pengkhususan
- 16 Persatuan Pengguna
- 17 Perihal Dagangan 1972
- 18 SIRIM
- 19 Kerajaan
- 20 Kawalan Bekalan 1973

JAWAPAN BAHAGIAN C

1 (✓)

2 (✗)

3 (✓)

4 (✗)

5 (✓)

6 (✗)

7 (✓)

8 (✓)

9 (✗)

10 (✓)